




## JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,  
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011  
Telefax : KRT MA 30415  
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR  
Fax : (03) 2694 8477 (Tkt. 2)  
: (03) 2692 1202 (Tkt. 4)  
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



Rujukan : JKR.KPKR:113.020.050/03 Jld.1 ( 24 )

Tarikh : 21 September 2011

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Pengarah Bekalan Air Negeri Pahang

Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

### SURAT ARAHAN KPKR BIL. 11/2011


#### PANDUAN PELAKSANAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

#### 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan baru bagi perolehan perkhidmatan perunding untuk pelaksanaan projek pembangunan fizikal atau kajian melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 2011 serta Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 yang berkuatkuasa pada 23 Mac 2011.
- 1.2 Melalui SPP tersebut, penurunan kuasa yang lebih besar diberikan kepada agensi untuk memutuskan pelantikan perunding. Di samping itu, ia juga memperkenalkan pelantikan perunding secara 'Quality Based Selection' melalui kaedah tender dan penilaian yang lebih komprehensif yang mengutamakan penilaian teknikal.
- 1.3 Kementerian Kewangan juga telah membangunkan Sistem ePerunding bagi membolehkan urusan pelantikan perunding dipercepatkan dan diurus dengan lebih telus secara *online* menggunakan maklumat data terkini.
- 1.4 Sehubungan itu, Surat Arahan KPKR ini dikeluarkan bagi memperjelaskan tatacara pelantikan perunding untuk panduan dan rujukan Jabatan supaya pelaksanaan perolehan perkhidmatan perunding akan lebih teratur dan terancang serta mematuhi peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.



NO. SIRI SIRI MS ISO 9001: 0326



MS ISO 14001 CERT. NO. J011301102

## 2.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)

2.1 Bagi urusan pelantikan perunding, Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Sektor Pakar hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) masing-masing seperti di **Jadual 1** dengan ahlinya dilantik secara bertulis oleh Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan berkenaan. JPP boleh ditubuhkan secara tetap atau secara *ad hoc* mengikut keperluan projek/kajian dan kapasiti masing-masing.

**Jadual 1: Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)  
Peringkat Cawangan Sektor Pakar, Ibu Pejabat JKR**

<b>1. Projek Pembangunan Fizikal / Kajian Fizikal / Ukur Tanah</b>	
Pengerusi* :	Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan / Wakil (J54)
Ahli:	<ul style="list-style-type: none"><li>i) Wakil HOPT Cawangan Sektor Bisnes berkenaan</li><li>ii) Wakil Cawangan Pakar (HODT) yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding berkenaan</li><li>iii) Wakil CKUB atau Unit Ukur Bahan daripada salah satu Cawangan lain</li><li>iv) Wakil **KKR diwajibkan bagi projek di bawah Butiran 27</li></ul>
Urusetia:	Korum: 4 orang termasuk Pengerusi (5 orang bagi projek di bawah Butiran 27) Bahagian / Unit yang menguruskan perkhidmatan perunding
<b>2. Kajian Bukan Fizikal</b>	
Pengerusi* :	Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan / Wakil (J54)
Ahli:	<ul style="list-style-type: none"><li>i) Sekurang-kurangnya 3 ahli dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari mana-mana Cawangan yang sesuai.</li><li>ii) Bagi kajian/pembangunan ICT, wakil MAMPU (Skim F) adalah diwajibkan.</li><li>iii) Wakil **KKR diwajibkan untuk projek di bawah Butiran 27</li></ul>
Urusetia:	Korum: 4 orang termasuk Pengerusi (5 orang bagi projek di bawah Butiran 27) Bahagian / Unit yang menguruskan perkhidmatan perunding

\* Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh menjadi Pengerusi JPP

\*\* KKR: Kementerian Kerja Raya Malaysia

**Jadual 2: Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)  
(Peringkat JKR Negeri)**

<b>Pihak Berkuasa</b>	<b>Korum</b>
<b>Jawatankuasa JPP:</b>	<b>Korum 4 orang</b>
1) Kerja Ukur Tanah Pengerusi:  Ahli:  Urusetia:	** Pengarah JKR Negeri/JKR Unit Khas / Wakil (Ketua Bahagian berkenaan)  i) Dua (2) orang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional ii) Seorang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Professional dari Unit Ukur Tanah, Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim (jika diperlukan) iii) Wakil Unit Ukur Bahan (kumpulan Pengurusan dan Profesional)  JPP
2) Kajian Fizikal (Alam Sekitar) Pengerusi:  Ahli:  Urusetia:	** Pengarah JKR Negeri/JKR Unit Khas / Wakil (Ketua Bahagian berkenaan)  i) Dua (2) orang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional ii) Wakil Unit Ukur Bahan (kumpulan Pengurusan dan Profesional)  JPP

**\*\* Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh menjadi Pengerusi JPP**

2.2 JPP juga boleh ditubuhkan di peringkat JKR Negeri / Unit Khas secara tetap atau secara *ad hoc* mengikut keperluan seperti di **Jadual 2**. Ahli JPP hendaklah dilantik di kalangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bersesuaian secara bertulis oleh Pengarah JKR Negeri / Pengarah Unit Khas. Korum mesyuarat adalah 4 orang termasuk Pengerusi. Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang meluluskan perolehan perkhidmatan perunding tidak boleh menjadi Pengerusi JPP.

2.3 Pengarah Kanan /Pengarah Cawangan Sektor Pakar juga boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil JPP untuk membantu dalam melaksanakan penilaian perolehan perkhidmatan perunding.

- 2.4 Tugas dan tanggungjawab JPP adalah termasuk mempertimbangkan Terma Rujukan (TOR) dan perincian anggaran kos perkhidmatan perunding yang telah disediakan oleh Cawangan Sektor Pakar (HODT), menetapkan pemarkahan bagi penilaian perunding, meluluskan senarai pendek perunding, menjalankan penilaian terhadap Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan oleh perunding, memperakukan perunding yang layak untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus dan lain-lain tugas dan tanggungjawab seperti dinyatakan di dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding 2011.

### **3.0 PIHAK BERKUASA MELULUS DAN HAD NILAI KUASA**

- 3.1 Melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/PU/1100/000000/10/318 Jilid 15 SK.3 (4) bertarikh 5 Julai 2011, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan khas kepada JKR Malaysia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ) sebagai alternatif kepada Lembaga Perolehan JKR.
- 3.2 Bagi tujuan kelulusan permohonan perolehan perkhidmatan perunding, Pihak Berkuasa Melulus (PBM), Had Nilai Kuasa serta keahliannya di peringkat JKR adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.3 Semua Cawangan Sektor Pakar di Ibu Pejabat JKR yang belum mempunyai Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Pegawai Pengawal) untuk menubuhkan Jawatankuasa Sebut Harga masing-masing. Cawangan yang tidak mempunyai Jawatankuasa Sebut Harga untuk meluluskan perolehan perkhidmatan perunding mengikut had nilai yang ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan kepada JPPJ untuk kelulusan.

### **4.0 TATACARA PERMOHONAN DAN PELANTIKAN PERUNDING**

- 4.1 Semua permohonan bagi pelantikan perunding samada bagi kelulusan JPPJ atau Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya Malaysia atau Kementerian Kewangan hendaklah dikemukakan oleh Cawangan Sektor Pakar berkenaan kepada **Urusetia Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ), Bahagian Perolehan dan Khidmat Kos, Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 15, Menara Tun Ismail Mohamed Ali, Jalan Raja Laut, 50582 Kuala Lumpur** mengikut amalan sedia ada.

- 4.2 Semua permohonan perolehan perkhidmatan perunding dari JKR Negeri / Unit Khas untuk kelulusan JPPJ / Lembaga Perolehan KKR (Butiran 27 ) hendaklah disalurkan melalui Cawangan Sektor Pakar berkenaan yang akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan pengesyoran sebelum dikemukakan kepada Urusetia JPPJ.
- 4.3 Penentuan kaedah perolehan perkhidmatan perunding adalah bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan dan proses perolehan adalah seperti di dalam **Rajah 1, 2, 3 dan 4**. Perolehan perkhidmatan perunding selain daripada kaedah yang ditetapkan perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan.
- 4.4 Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah dan Alam Sekitar:
- i) Semua Cawangan di Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri dan Unit Khas hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Perolehan Perunding (JPP) masing-masing untuk pelantikan dan kelulusan kos perkhidmatan perunding Ukur Tanah dan Alam Sekitar, tertakluk kepada Had Kuasa seperti di Lampiran A. Satu Urusetia tetap hendaklah dilantik di setiap Cawangan / Negeri / Unit khas berkenaan. Permohonan yang melebihi Had Kuasa yang ditetapkan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa yang lebih tinggi untuk kelulusan.
  - ii) Bagi perkhidmatan perunding yang mana kos melebihi RM 500,000.00, permohonan hendaklah disalurkan melalui Unit Ukur Tanah, Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim bagi kerja-kerja Ukur Tanah dan Cawangan Alam Sekitar bagi kerja-kerja Alam Sekitar, yang akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan pengesyoran sebelum dikemukakan kepada Urusetia Perunding untuk kelulusan JPPJ / Perbendaharaan.

## **5.0 PEROLEHAN MELALUI TENDER**

Tatacara pelawaan dan serahan dokumen tender, sama ada melalui Tender Terhad atau Tender Terbuka bagi Ibu Pejabat JKR adalah selaras dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007**. Contoh format iklan adalah seperti di **Lampiran B** dan alamat di mana dokumen tender dijual dan diserahkan adalah seperti berikut:

**Unit Tawaran Pusat  
Cawangan Pengurusan Perolehan Dan Harta  
Bahagian Kewangan  
Tingkat Bawah, Blok A  
Kompleks Kerja Raya Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur.**

## **6.0 PENGGUNAAN SISTEM ePERUNDING**

- 6.1 Selaras dengan pengeluaran **SPP Bilangan 2 dan 4 Tahun 2011**, semua urusan pelantikan perunding secara **Lantikan Terus Beserta Kos Siling** hendaklah menggunakan sistem **ePerunding secara online sepenuhnya** dan perolehan **secara manual tidak dibenarkan**. Bagi perolehan berdasarkan **Tender Terhad dan Tender Terbuka**, buat masa ini kaedah secara manual masih digunakan sehingga dimaklumkan kelak. Walau bagaimanapun, **pejabat yang melantik perunding adalah bertanggungjawab untuk merekod semua perolehan melalui kaedah tersebut ke dalam sistem ePerunding**.
- 6.2 Bagi tujuan pelantikan perunding melalui sistem ePerunding, pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung di dalam perolehan perkhidmatan perunding hendaklah melengkapkan Borang Id ePerunding yang boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi Sistem ePerunding di <https://eperunding.treasury.gov.my> bagi mendapatkan katanama dan katalaluan. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan melalui Urusetia JPPJ, CKUB.
- 6.3 Tugas dan tanggungjawab Pegawai Pendaftar Projek (HOPT), Pegawai Meja (HODT), Pegawai Penyemak, Urusetia dan Pengerusi Pihak Berkuasa Melulus adalah seperti di dalam **Rajah 5**.

## **7.0 PENGUATKUASAAN**

Peraturan ini berkuatkuasa dengan serta merta dan hendaklah dibaca bersekali dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, Surat Arahan KPKR Bil. 1/2007 bertarikh 21 Ogos 2007 – Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding dan Surat Arahan TKPKR ruj. surat bil. (51) dlm.JKR/UB/123/BPKK/021.050/09 bertarikh 21 April 2011 - Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' Ir. HAJI MOHD NOOR BIN YAACOB )**  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Malaysia.

- s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
  - Urusetia SPK JKR
  - Juruukur Bahan JKR Negeri / Unit Khas

**RAJAH 1: CARTA ALIR LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING**  
**( Kos Projek Fizikal ≤ RM5 juta ; Kos Kajian & Kerja Ukur ≤ RM500 ribu )**




'Bab' adalah merujuk kepada Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011

\*Penggunaan Sistem E-Perunding

## RAJAH 2: CARTA ALIR TENDER TERHAD


( Kos Projek Fizikal ≤ RM50juta ; Kos Kajian ≤ RM2juta & Kerja Ukur > RM500ribu )



'Bab' adalah merujuk kepada Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011

\*Penggunaan Sistem E-Perunding

**RAJAH 3: CARTA ALIR TENDER TERBUKA (TANPA PRA KELAYAKAN)**  
**( Kos Projek Fizikal > RM50juta ; Kos Kajian > RM2juta )**




\*Bab' adalah merujuk kepada Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011

\*Penggunaan Sistem E-Perunding

**RAJAH 4: CARTA ALIR TENDER TERBUKA (MELALUI PRA KELAYAKAN)**

**( Kos Projek Fizikal > RM50juta ; Kos Kajian > RM2juta )**




'Bab' adalah merujuk kepada Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011

\*Penggunaan Sistem E-Perunding



**Maksimum 1 Bulan dari tarikh SST**

## RAJAH 5: CARTA ALIR ePERUNDING; PERANAN PENGGUNA




### \*PBM – Pihak Berkuasa Melulus

- Jawatankuasa Sebut Harga (JKHS)
- Jawatankuasa Perlantikan Perunding Jabatan (JPPJ)
- Lembaga Perolehan A & B Kementerian Kerja Raya
- Kementerian Kewangan

LAMPIRAN A

PIHAK BERKUASA MELULUS DAN HAD NILAI KUASA MELULUS PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING  
BAGI JABATAN KERJA RAYA

BIL.	PIHAK BERKUASA MELULUS	HAD NILAI KUASA MELULUS	KEAHLIAN
1	Jawatankuasa Pelantikan Perunding Peringkat Ibu Pejabat JKR (JPPJ)	<p>a. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM200 juta</p> <p>b. Kos kajian fizikal / bukan fizikal sehingga RM5 juta</p> <p>c. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta</p>	<p>Ibu Pejabat JKR Pengerusi: Ketua Pengarah Kerja Raya atau Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya</p> <p>Ahli: Seorang wakil Perbendaharaan Seorang wakil Kementerian Kerja Raya</p>
2	Jawatankuasa Sebut Harga Cawangan Ibu Pejabat JKR	<p>a. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta</p> <p>b. Kos kajian fizikal / bukan fizikal sehingga RM500 ribu</p> <p>c. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu</p>	<p>Cawangan Ibu Pejabat JKR Pengerusi: Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR</p> <p>Ahli: Dua (2) orang pegawai pengurusan dan profesional tidak kurang dari Gred J48</p>
3	Jawatankuasa Sebut Harga JKR Negeri / JKR Unit Khas	<p>a. Kos kajian hanya untuk alam sekitar sehingga RM250 ribu</p> <p>b. Kos kerja ukur sehingga RM250 ribu</p>	<p>JKR Negeri / JKR Unit Khas Pengerusi: Pengarah /Timbalan Pengarah JKR Negeri/ JKR Unit Khas</p> <p>Ahli: Dua (2) orang pegawai pengurusan dan profesional tidak kurang dari Gred J48</p>



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang** seperti dibawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:-

No. Rujukan	Butir-Butir Pelawaan	Kod Bidang	Tarikh Tutup (12.00tgh)	Syarat Utama Pelawaan
JKR/1/2011	Perkhidmatan Perundingan (Full Basic Professional Services) Bagi Projek Membina & Menyiapkan Sekolah Menengah Kebangsaan Batang Ai, Sarawak	*230700 (Arkitek) *230100 (Kej.Awam) *230300 (Kej. Elektrik) *230400 (Kej. Mekanikal) *230800 (Ukur Bahan)	14 Januari 2011	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter/pejabat Agensi di Unit Tawaran Pusat, Cawangan Pengurusan Perolehan & Harta, Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Blok A, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur **bermula pada 14 Disember 2010 hingga 29 Disember 2010**. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar RM250 bagi setiap satu (1) set.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Tawaran Pusat di alamat seperti di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 14 Januari 2011**.

Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

\*Iklan hendaklah mengikut bidang yang berkenaan